



Atria Shopping Gallery bakal berubah wajah

FOTO: ROSLI TALIB

nyeronokkan serta pembelajaran yang holistik.

"Taman tema PeopleUp ini dijangka mula beroperasi pada separuh pertama 2025. Kami percaya bahawa pembukaan taman tema ini kelak memberikan lonjakan kunjungan.

"Ketika ini purata kunjungan bulanan adalah sekitar 600,000 dan dengan adanya taman tema ini, ia akan menarik pengunjung bukan saja dari kawasan setempat tetapi seluruh Lembah Klang," katanya selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman di sini, pada Rabu.

Tambah Samantha, kumpulan juga percaya PeopleUp akan memainkan peranan penting sebagai pemangkin utama dalam perjalanan transformasi Atria Shopping Gallery.

Beliau berkata, dengan lebih 16 jenama anak syarikat di Singapura, PeopleUp memperlihatkan reputasinya untuk me-



Samantha Lew (dua dari kiri) dan Chris Tan (dua dari kanan) pada majlis menandatangani memorandum persefahaman di Petaling Jaya pada Rabu.

nyampaikan pengalaman yang inovatif, menarik dan berkesan untuk keluarga.

"Jenama utamanya seperti Bouncy Paradise, taman permainan mengembung terbesar

di Asia dan Dinoland, taman dinosaur dalaman yang pertama dan terbesar di Singapura dengan hutan hidup bersama-sama dengan VroomTown, bandar permainan pemanduan

mega pertama untuk kanak-kanak berjaya merekodkan lebih setengah juta pengunjung setiap tahun.

"Justeru, kami yakin pengembangan baharu di Atria Shopping Gallery akan dibangunkan berdasarkan kejayaan di Singapura, mempamerkan konsep menarik dan berorientasikan keluarga serta memperkenalkan pengalaman baharu yang disesuaikan dengan pasaran Malaysia," katanya.

Dalam pada itu, Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif PeopleUp Singapore, Chris Tan Wei Quan berkata, Malaysia adalah negara pertama pembukaan taman temanya di luar Singapura.

"PeopleUp Atria Shopping Gallery dijangka mempunyai 20 jenama permainan yang disesuaikan dengan permintaan tempatan dan kami yakin ia akan mendapat sambutan," katanya.